

ورتا قنرغن

Warta Penerangan



APRIL 2016





Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat

Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak

Salawati binti Sabli

Salwa binti Hj Ghazali

Sumber Berita & Fotografi

PELITA BRUNEI dan

pegawai dan kakitangan

Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Poster Terbitan Jabatan Penerangan, Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke - 32	5
Semangat patriotik realisasikan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-32	6
Poster Terbitan Jabatan Penerangan, Poster Menaikkan Bendera Hari Kebangsaan 2016	7
Jabatan Penerangan semarakkan pengibaran bendera	8
Bendera simbol kedaulatan negara	9
Budayakan Kibar Bendera Negara	9
Kibarkan Bendera Negara	10
Tanai Tanggungjawab kibar bendera negara	11
200 orang hadir program semarak pengibaran bendera	12
Mukim Seria juara pertandingan koir	13
Kumpulan Cahaya Mukim Ukong menjuarai Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik	14
Pemantauan pengibaran bendera terus dipergiatkan	15
Rakyat perlu memahami peranan dan fungsi bendera	16
Jabatan Penerangan pantau pengibaran bendera	16
Pemantauan pengibaran bendera dijalankan	17
Hormati lagu kebangsaan dan bendera negara	18
Jaga dengan rapi serta hormati bendera negara	19
Meningkatkan kesedaran kalangan penuntut mengenai ASEAN	20
Patuhi etika semasa membuat liputan	21
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan Febuari 2016	22 - 23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Poster Terbitan Jabatan Penerangan, Mini Karnival Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun 2016



مینی کرنیول سمفنا ممفرائیعی قنوبوهن جابتن قنرغن
ك-٦٤ تاهون ٢٠١٦

MINI KARNIVAL

SEMPENA MEMPERINGATI PENUBUHAN
JABATAN PENERANGAN KE-64 TAHUN 2016

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

DAERAH BRUNEI DAN MUARA
15 - 17 April 2016
Ruang Legar Times Square

DAERAH TEMBURONG
20 -21 April 2016
Ruang Legar, Bangunan Kompleks Utama
Kedai Bumiputera, Pekan Bangar

DAERAH BELAIT
23 - 24 April 2016
Ruang Legar Seria Plaza

DAERAH TUTONG
26 - 27 April 2016
Ruang Legar Petani Mall

Aktiviti sampingan

- Kuiz-Kuiz
- Pameran
- Photo Booth
- Photo Contest
- Meneka Bilangan
- Instagram Hunt
- Pengunjung Bertuah
- Peraduan Mewarna
- Permainan

Hadiah-hadiah menarik menanti awda



Waktu Acara
9.00 pagi - 10.00 malam
kecuali hari Jumaat dari 9.00 pagi - 11.30 pagi
dan 2.00 petang - 10.00 malam
bagi Daerah Brunei dan Muara

9.00 pagi - 4.00 petang
bagi Daerah Temburong, Belait dan Tutong

Datanglah beramai-ramai



Sambutan Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun

Oleh: Berita
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Bertahlil, Sembahyang Fardu Maghrib, Sunat Hajat dan Fardu Isyak Berjemaah sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks JPM.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, hadir sama pegawai-pegawai serta kakitangan jabatan berkenaan.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Anuar bin Haji Salim.

Majlis diteruskan lagi dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil dan Doa Kesyukuran, disusuli dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Jabatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952 dan dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan.

Antara peranan utama Jabatan Penerangan adalah sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan serta mendengar isu-isu serta kebimbangan orang ramai dan memahami agenda media massa.

Jabatan Penerangan antara lain juga berperanan untuk memupuk dan memelihara semangat cintakan raja dan negara, mengendalikan pengurusan dan ehwal hubungan dengan media serta mengendali aktiviti publisiti dan promosi bagi acara-acara kebesaran.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir dalam Majlis Doa Kesyukuran dan Bertahlil, Sembahyang Fardu Maghrib, Sunat Hajat dan Fardu Isyak Berjemaah sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks JPM.

Jabatan Penerangan adakan Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh: Berita
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad hadir dalam Majlis Bertahlil Di Kubah Makam Diraja sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 April. - Jabatan Penerangan telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Bengkurong, Haji Awang Nasrul Hazimin bin Haji Sapar.

Majlis Tahlil ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti yang telah disusun oleh Jabatan Penerangan bersempena dengan sambutan penubuhannya yang ke-64 tahun.

Jabatan Penerangan telah ditubuhkan pada 1 April 1952 dengan misi memelihara dan mencemerlangkan imej Raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa.

Jabatan Penerangan juga berfungsi sebagai platform antara kerajaan dan rakyat dalam mendukung falsafah, aspirasi dan matlamat negara dalam penyaluran maklumat melalui komunikasi bersemuka, media cetak dan media baru.



ANTARA pegawai dan kakitangan yang juga hadir dalam majlis tersebut.

Mini Karnival Jabatan Penerangan sediakan pelbagai aktiviti

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (lima dari kiri) ketika hadir dalam majlis Mini Karnival sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun. Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (lima dari kanan) serta para pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 April. Lebih 10 petak pameran disediakan pada Mini Karnival Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun Bagi Daerah Brunei dan Muara yang diadakan di Ruang Legar Times Square, di sini.

Antara petak pameran tersebut ialah Kemasyarakatan, Kenegaraan, Pelita Brunei, Mini Perpustakaan, Penerbitan dan Pameran, Fotografi, IT dan Media Baharu, Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media, Hal Ehwal Antarabangsa termasuk Radio Televisyen Brunei, Jabatan Percetakan Kerajaan serta Jabatan Perbekalan dan Stor Negara.

Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan adalah seperti Photo Booth, Meneka Bilangan Naskah Pelita Brunei, Pengunjung Bertuah di Petak Pelita Brunei, Petak Fotografi menyediakan Best Photo dan Mini Photo Race, IG Hunt di Petak IT dan Media Baharu, Jigsaw Puzzle di Petak Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media dan Kenali Bendera Negara di Petak Kenegaraan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan sijil perkhidmatan kepada salah seorang kakitangan Jabatan Penerangan yang telah bersara.

Di samping itu, Petak Kemasyarakatan juga menyediakan permainan, Peraduan Mewarna di Petak Penerbitan dan Pameran, Meneka Nama Bendera di petak Hal Ehwal Antarabangsa serta kuiz-kuiz di setiap petak pameran.

Antara tujuan utama aktiviti-aktiviti seumpama ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai terutama pelajar-pelajar mengenai Jabatan Penerangan serta bahagian-bahagian di bawahnya.

Selain itu, ianya juga bertujuan menggalakkan orang ramai peka mengenai kepentingan Jabatan Penerangan sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan serta mendengar isu-isu serta kebimbangan orang ramai dan memahami agenda media massa.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyaksikan pameran daripada Bahagian Penerbitan.

Mini Karnival Penerangan banyak beri pendedahan

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Sabtu, 16 April. - Mini Karnival yang berlangsung di Atrium, Pusat Membeli-belah Times Square telah memasuki hari kedua.

Mini karnival itu turut dimeriahkan dengan lawatan daripada para penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

Dengan adanya karnival itu jelasnya, orang ramai dapat mengetahui tentang fungsi Jabatan Penerangan, bahagian serta unit-unit di bawahnya. Ini termasuk Pelita Brunei, akhbar rasmi kerajaan yang menyiarkan berita tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

Salah seorang penuntut tersebut, Dayang Nuramirah Adhirah binti Ghazali Hadi, ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei berkata karnival berkenaan banyak memberi pendedahan tentang hal ehwal negara pada masa ini dan yang terdahulu, di samping memberi maklumat lebih lanjut tentang negara-negara ASEAN juga jenis-jenis bendera.



Dayang Nuramirah Adhirah binti Ghazali Hadi



WAKIL dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz ASEAN.



SEBAHAGIAN pelajar cuba menjawab kuiz yang disediakan

Mini Karnival Penerangan mendapat sambutan

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 April. - Mini Karnival sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun yang berlangsung di Atrium, Pusat Membeli Belah Times Square telah memasuki hari ketiga.

Mini karnival itu turut dimeriahkan dengan pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan juga *mini photos*

race iaitu bagi kumpulan yang ter pantas dan tepat mengumpulkan jawapan menggunakan telefon bimbit untuk menggambar.

Mini karnival ini banyak memberi pendedahan tentang hal ehwal negara pada masa ini dan yang terdahulu, di samping memberi maklumat lebih lanjut tentang negara-negara ASEAN dan bendera-bendera negara luar.



SALAH seorang pemenang Peraduan Mewarna menerima hadiah di hari terakhir Mini Karnival sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim



KEGEMBIRAAN jelas terserlah di wajah masing-masing kerana dapat bersama-sama meraikan sambutan memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan ke-64 Tahun.

Pelancaran Mini Karnival membariga Jabatan Penerangan di Daerah Belait

Oleh: Noraisah Muhammed

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Noraisah Muhammed



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad memotong reben bagi merasmikan Mini Karnival Jabatan Penerangan di Seria Plaza.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa melawat ke petah-petak pameran.

SERIA, Sabtu, 23 April. - Jabatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952 dan dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan yang berperanan dalam memupuk dan memelihara semangat cintakan raja dan negara, mengendali pengurusan dan ehwal hubungan dengan media serta mengendali aktiviti publisiti dan promosi bagi acara-acara kebesaran.

Sehubungan itu, Mini Karnival sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun dilaratkan ke Daerah Belait yang diadakan di ruang Legar, Seria Plaza.


Pelancaran Mini Karnival telah dihadiri oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta keluarga.

Mini Karnival berlangsung selama dua hari, bermula hari ini hingga esok, 24 April 2016 dengan memaparkan pelbagai program dan aktiviti, antaranya Kuiz Penerangan, Kuiz Kenegaraan, Kuiz Hal Ehwal Antarabangsa, Peraduan Warna-Warni Mini Karnival Jabatan Penerangan, *Instagram Hunt*, Meneka Bilangan Naskhah Pelita Brunei, *Mini Photo Race* dan lain-lain.

Seorang pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Mumong, Dayang Vivi Shahera binti Abdul Bashir berasa bertuah kerana berpeluang berkunjung ke Mini Karnival tersebut kerana menurutnya ia sangat berinformatif dan mesra masyarakat.



SALAH sebuah Unit di Jabatan Penerangan yang ikut serta dalam Mini Karnival Jabatan Penerangan.



PELAJAR-PELAJAR sekolah mengambil peluang menjawab soalan-soalan kuiz pada Mini Karnival.

Mini Karnival Penerangan Daerah Belait dapat sambutan



ANTARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang menyertai Mini Karnival.

Oleh: Noraisah Muhammed
Foto : Azmah Haji Ahad



PARA pemenang Peraduan Mewarna bergambar dengan hadiah masing-masing bersama dengan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.



PESERTA kanak-kanak yang menjuarai peraduan mewarna di Mini Kanival Penerangan

SERIA, Ahad, 24 April. - Hari kedua Mini Karnival Jabatan Penerangan di Daerah Belait terus menerima kunjungan daripada orang ramai termasuk para pengunjung warga asing yang tidak bekerja pada hujung minggu.

Pameran dari semua bahagian dan unit jabatan berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pengunjung yang datang pada hari terakhir mini karnival yang mana rata-ratanya mereka berpuas hati dengan maklumat mengenai Jabatan Penerangan yang telah dipamerkan semasa mini karnival di Ruang Legar Plaza, Pekan Seria berlangsung.

Juga menarik hati para pengunjung ialah aktiviti sampingan yang diadakan seperti peraduan meneka kuiz dan peraduan mewarna bagi kanak-kanak.

Penyempurnaan hadiah-hadiah bagi peraduan tersebut disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail.

Mini karnival seumpama ini memberi peluang untuk mengetahui secara mendalam akan peranan yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan berperanan besar dalam misi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat.

Salah satu pameran yang menjadi tarikan orang ramai adalah pendedahan mengenai proses dan penerbitan Pelita Brunei. Pameran seumpama itu dapat memberi informasi terkini mengenai perkembangan jabatan dan juga peranan jabatan ke pengetahuan masyarakat.

Pelbagai aktiviti disediakan di Mini Karnival Jabatan Penerangan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad melancarkan Mini Karnival Sempena Penubuhan Jabatan Penerangan ke-64 Tahun bagi Daerah Tutong.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyaksikan penyertaan penuntut-penuntut sekolah dalam aktiviti anjuran Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media.

Oleh: Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 26 April. - Mini Karnival Sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun, dilaratkan ke Daerah Tutong, bertempat di Ruang Legar Petani Mall.

Hadir melancarkan Mini Karnival tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diteruskan dengan perasmian bagi pelancaran Mini Karnival bagi Daerah Tutong.

Mini Karnival di daerah ini diadakan selama dua hari dengan pengisian berbagai program dan aktiviti yang disusun, antaranya kuiz penerangan; kuiz kenegaraan; kuiz Unit Hal Ehwal Antarabangsa; peraduan mewarna Mini Karnival jabatan berkenaan; *Instagram Hunt*; meneka bilangan naskhah Pelita Brunei; *Mini Foto Race* dan lain-lain lagi.



SEORANG kakitangan Jabatan Penerangan dari Unit Penerbitan dan Pameran memberikan penerangan kepada salah seorang pengunjung mengenai bahan terbitan yang dipamerkan.



PELBAGAI aktiviti menguji minda diadakan di setiap petak pameran unit-unit di Jabatan Penerangan bagi memeriahkan Mini Karnival Sempena Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun bagi Daerah Tutong.

Penuntut paling ramai kunjungi Mini Karnival

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Rabu, 27 April. - Hari kedua Mini Karnival Sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 tahun mendapat sambutan yang menggalakkan dan terus menerima kunjungan daripada para penuntut sekolah di daerah ini.

Di hari terakhir Mini Karnival tersebut bagi daerah ini, para penuntut dari beberapa buah sekolah kerajaan mahupun swasta hadir mengunjungi dan menyertai pelbagai kuiz yang terdapat di setiap pameran yang dipamerkan oleh Jabatan Penerangan.

Rata-rata para penuntut melahirkan rasa gembira dan berpuas hati dengan maklumat mengenai Jabatan Penerangan yang telah dipamerkan semasa Mini Karnival di Ruang Legar, Petani Mall.



BEBERAPA orang pelajar yang ikut serta dalam peraduan kuiz sedang mencari jawapan yang tersembunyi



MINI Karnival selama dua hari diisikan dengan pelbagai pengisian termasuk pameran dan kuiz.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Yahya menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang yang menyertai kuiz.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan bergambar bersama para pemenang kuiz.

Teruja sertai aktiviti Mini Karnival

Oleh: Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TEMBURONG, Rabu, 20 April. - Mini Karnival sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun dilaratkan ke daerah ini.

Berlangsung di Ruang Legar, Bangunan Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, Mini Karnival dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Buat julung-julung kalinya diadakan, Mini Karnival dimeriahkan dengan kehadiran para penuntut sekolah yang kelihatan begitu teruja untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang disediakan semasa karnival diadakan.

Mini Karnival juga mengadakan pameran dari bahagian-bahagian dan unit-unit yang memainkan peranan penting dalam Jabatan Penerangan, sekaligus memberi peluang kepada para -

pengunjung karnival untuk mengetahui lebih lanjut akan peranan dan tanggungjawab jabatan yang ditubuhkan pada 1 April 1952.



SEORANG peserta kuiz ketika cuba menjawab soalan yang dikemukakan oleh kakitangan Jabatan Penerangan.

Mini Karnival barigakan maklumat Jabatan Penerangan

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

TEMBURONG, Khamis, 21 April. - Hari kedua Mini Karnival Jabatan Penerangan terus menerima kunjungan daripada orang ramai termasuklah para penuntut sekolah.

Salah seorang pengunjung yang ditemu bual oleh wakil Pelita Brunei menjelaskan, Mini Karnival seumpama ini memberinya peluang untuk mengetahui secara mendalam akan peranan yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan ke arah membudayakan masyarakat bermaklumat.



KETUA Cawangan Penerangan Temburong, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad menyampaikan hadiah kepada salah seorang murid yang memenangi salah satu aktiviti yang disediakan pada Mini Karnival berkenaan.



KUIZ dibukakan kepada penuntut-penuntut yang hadir.

Jabatan ini juga katanya, terus berkembang selaras dengan aliran masa dan banyak membuat perubahan dalam menyampaikan maklumat kepada orang ramai terutama sekali pada zaman internet di mana orang ramai banyak menggunakan internet dalam kehidupan seharian mereka.

Mini Karnival seumpama ini jelasnya, sangatlah baik kerana melaluinya Jabatan Penerangan dapat menyalurkan informasi dan maklumat kepada penduduk di daerah ini khasnya kepada generasi muda.

Pelajar didedahkan lebih meluas mengenai ASEAN

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan dan wakil sekolah St. George, Engenio Mendoza bergambar ramai bersama penuntut Sekolah St. George dalam majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Dewan Sekolah St. George, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, wakil Sekolah St. George, Engenio Mendoza. Turut hadir ke taklimat tersebut ialah Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Taklimat mengenai ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa,-

Jabatan Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman yang antaranya mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan Brunei 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau.

Program tersebut merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan ke arah menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan penubuhan ASEAN dan dalam masa yang sama mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan (kanan) menyampaikan cenderamata kepada tetamu kehormat iaitu wakil Sekolah St. George, Engenio Mendoza.



TAKLIMAT mengenai ASEAN dapat menyuntik semangat patriotisme penuntut-penuntut.



WAKIL Sekolah St. George, Engenio Mendoza, menyampaikan hadiah Kuiz Kenali ASEAN kepada salah seorang pemenang.

Pelajar wajar kenali ASEAN

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 April. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI meneruskan lagi siri Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM), Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat Pengetua SMPDSM, Dayangku Hajah Norhasima binti Pengiran Haji Hassan.

Taklimat mengenai ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Jerayawara itu bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah di negara ini.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Di samping itu, ia juga bagi mengukuhkan hubungan Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para penuntut di negara ini.

Memupuk semangat patriotisme pelajar

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: HERNIE SULIANA HAJI OTHMAN

MUKIM KILANAS, Selasa, 5 April. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi siri Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Tanjung Bunut, Kilanas.

Seramai 300 orang penuntut dari Tahun 7, 8 dan 9 bersama guru serta pegawai dan kakitangan sekolah tersebut hadir pada program tersebut.

Antara atur cara program termasuklah nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik -

'Bendera Negara', diikuti Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Taklimat juga secara tidak langsung dapat mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui lagu kebangsaan dan bendera negara, di samping memantapkan usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Sesi taklimat diselitkan dengan tayangan video klip mengenai bendera negara dan sesi Kuiz Kenegaraan.



PENUNTUT-PENUNTUT Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Kilanas tekun mendengarkan taklimat kenegaraan kelolaan Jabatan Penerangan sebagai satu acara dalam Program SINAR.

Serap pemahaman lagu kebangsaan, bendera kepada penuntut

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim menyampaikan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dalam Program SINAR bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Rimba.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 April. - Penghayatan dan pemahaman dalam kalangan para penuntut sekolah terhadap lagu kebangsaan dan bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan dalam diri mereka agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur sedari awal.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' ke Sekolah Menengah Rimba yang berlangsung di perpustakaan sekolah berkenaan.

Sesi taklimat tersebut merupakan salah satu pengisian dalam program Forum Sinar anjuran Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim dari Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Dalam taklimat tersebut, Awang Haji Dayang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaikkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Beliau berharap dengan perisian inti pati taklimat yang disampaikan itu akan dapat dihebahkan dan disebar kepada keluarga termasuk rakan seperjuangan mereka sendiri

Usaha ke arah kecemerlangan program tersebut telah melibatkan beberapa agensi-agensi kerajaan termasuk Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Penerangan bagi Kumpulan 'A'.



PARA pelajar khusyuk mendengarkan taklimat yang disampaikan (atas dan bawah)

Program berkenaan dihadiri oleh seramai 196 orang pelajar dari Tahun 9 dari sekolah berkenaan bertujuan bagi membantu pembentukan personaliti pelajar supaya mereka mempunyai peribadi mulia, beradab sopan, bijaksana dalam membuat keputusan dan tindakan.

Selain itu, ia bertujuan supaya para remaja mengamalkan gaya hidup sihat dan melahirkan remaja yang sihat bukan sahaja dari segi fizikal tetapi sihat dari segi emosi, rohani dan akli di samping membina sahsiah pelajar yang mantap dan cemerlang.

Program Forum 'Sinar' diteruskan

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



PENOLONG PEGAWAI Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan mengenai 'Menghayati Bendera Negara'.

TUTONG, Selasa, 19 April. Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) meneruskan lagi Program Forum 'Sinar' bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab dan sekolah-sekolah swasta seluruh negara tahun 2016 ke Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong.

Program yang bertemakan 'Luruskah... Salahkah ni?' itu disasarkan bagi penuntut Tahun 7 dan 8.



PENYAMPAIAN hadiah penghargaan daripada Timbalan Pengetua Sekolah Menengah Sufri Bolkiah kepada Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam program ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan 'A' terdiri dari Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, JSS; Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Biro Kawalan Narkotik, JPM; Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Manakala Kumpulan 'B' terdiri dari Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, JSS; Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, JPM; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Adat Istiadat Negara, JPM; dan Pasukan Polis Diraja Brunei, JPM.

Pegawai Pelajaran, Unit Kaunseling dan Kerjaya, JSS, Dayang Hajah Pasah binti Haji Ahmad semasa ditemu bual oleh

Pelita Brunei menjelaskan tujuan forum tersebut diadakan bagi membantu pembentukan personaliti penuntut yang berperibadi mulia, beradab sopan, bijaksana dalam membuat keputusan dan tindakan.

Taklimat 'Jauhi Pergaulan Bebas' dari Dayang Khairiyah binti Haji Md. Yussof dari Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan antara lain menyentuh mengenai kesan daripada pergaulan bebas.

Sementara itu, Taklimat Kenegaraan mengenai 'Menghayati Bendera Negara' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Jabatan Penerangan.

Dalam taklimat Awang Hasanul Hidayat antara lain menjelaskan mengenai tatacara menaikkan bendera negara.



SEBAHAGIAN daripada penuntut Sekolah Menengah Sufri Bolkiah yang hadir mendengarkan Taklimat Kenegaraan.

Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotism

Oleh: Berita

Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TTUTONG, Khamis, 21 April. - Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Taklimat Kenegaraan bagi Forum Sinar bagi Sekolah-Sekolah Menengah / Maktab dan Sekolah-Sekolah Swasta bertujuan untuk membantu dalam pembentukan personaliti pelajar yang positif, iaitu keperibadian yang mulia, beradab sopan, bijaksana dalam membuat keputusan dan tindakan supaya para remaja mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Seramai 127 pelajar dari Tahun 7 hadir pada forum yang diungkayahkan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah yang diadakan di Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Pada forum tersebut, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar menyampaikan taklimat mengenai 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang antara lain untuk menyemai semangat patriotisme kepada para penuntut untuk menghormati serta menjikai bendera negara dan lagu kebangsaan.

Selain itu, taklimat juga untuk mendukung Wawasan Brunei 2035 dalam menyemai nilai-nilai teras khususnya komited dan taat setia kepada raja serta negara.

Antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam forum itu ialah Jabatan Perdana Menteri (JPM); Jabatan Penjara; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Pusat Promosi Kesihatan; Kementerian Kesihatan; Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PENYAMPAIAN cenderamata kepada Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar menyampaikan Taklimat Kenegaraan.



SEBAHAGIAN pelajar lelaki SM Muda Hashim, Tutong yang hadir pada Forum SINAR.

Sesi Pembentangan Penempatan Kerja Penuntut KIGS

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



Sesi bergambar ramai bersama

Bandar Seri Begawan, Khamis, 28 April.- Satu Majlis Penyampaian Sijil dan Sesi pembentangan hasil penempatan penuntut-penuntut daripada Kolej IGS telah diadakan bertempat di Tingkat 2, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang juga menyampaikan sijil kepada para penuntut berkenaan. Majlis tersebut juga dihadiri oleh guru pengawas penempatan dari Kolej berkenaan dan beberapa pegawai dari unit-unit penuntut tersebut ditempatkan.

Seramai empat orang pelajar Kolej IGS telah menjalani penempatan mereka di Jabatan ini sejak 07 Mac dan berakhir pada 02 Mei 201. Mereka ialah Awang Ifwat Zakwan bin Zainuddin, Dayang Nurul Husnina Nadia binti Johari, Dayang Shazanna Khairunissa binti Abu Bakar dan Dayang Nordina binti Haji Abd Rahman. Mereka ini ditempatkan di Unit-unit di Jabatan ini sesuai dengan kursus-kursus yang mereka ikuti.

Program penempatan ini dihasratkan membuka minda dan mengalami sendiri suasana alam pekerjaan. Para penuntut berkenaan juga diharap akan dapat mengenali Jabatan Penerangan secara lebih dekat lagi.



SEORANG pelajar ketika membentangkan hasil penempatan sepanjang berada di Jabatan Penerangan.



PMK. Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomarketika menyampaikan sijil kepada salah seorang penuntut KIGS.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat / kursus / bengkel pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Dayang Aimi binti Sani 2. Dayang Marlinawaty binti Hussin 3. Awangku Syi'aruddin bin Pengiran Daudin 4. Dayangku Nurhafilah binti Pengiran Osman 5. Awang Abdullah bin Sabang 6. Awang Kamal Abdul Nasir bin Majin 7. Dayang Siti Mazfaizura binti Maikal 8. Sayangku Nur Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani 9. Dayang Siti Haniza binti Azari 10. Dayang Siti Norasilah binti Awang Asli 11. Awang Mohammad Arif bin Matali 12. Awang Haji Abd Azim bin Haji Tujoh 13. Awang Haji Raya bin Hj Md Tapa 14. Awang Roslan bin Hj Md Jadi 15. Awang Haji Morni bin Haji Metali 16. Awang Haji Jafrey bin Haji Mohd Hanafiah 17. Awang Yahya bin Haji Jumat 18. Awang Haji Liman bin Haji Rahim 19. Dayang Marinah binti Jumat 20. Dayang Latifah binti Haji Mokti 21. Awang Azlin bin Haji Yaakub / Haji Yacub 22. Awang Mohammad Ani Khairul Azizan bin Mohamad 23. Awang Adi Azim Iskandar bin Jali 24. Dayang Hajah Sabariah binti Haji Drahman 25. Dayang Masnah binti Haji Md Tamin 26. Dayang Marlina binti Haji Jamal	Bengkel Penggunaan Emel Kerjaan Secara Optima	2 April 2016
27. Dayang Mariana binti Jais	Kursus Ilmu Tauhid	4 - 7 April 2016
28. Dayang Asnah binti Haji Diwa	Kursus Aqidah Ahli Sunnah Waljamaah	11 - 14 April 2016
29. Dayang Faridah binti Haji Kaderi @ Bujang	Latihan Tatacara Akses Masuk dan Penggunaan Sistem iLearn	14 April 2016
30. Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaihi 31. Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid 32. Dayang Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar 33. Dayangku Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Mat Noor 34. Awang Abdul Hadi bin Haji Suhaili 35. Awang Mohammad Ike Iqrami bin Haji Suhaimi 36. Dayang Nornasyirah Binti Nordin 37. Dayang Hajah Siti Zurailah binti Awang Sulaiman	Kumpulan Kerja Cemerlan	18 - 21 April 2016
38. Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman 39. Awang Mohammad Armie binti Haji Untong	Penyampaian Bengkel Penggunaan Emel Kerjaan Secara Optima	2 April 2016
40. Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain 41. Dayangku Hajah Siti Mewartee binti Haji Marsidi	Tatacara Persuratan Rasmi	25 - 26 April 2016
42. Awang Mohammad Mahdi bin Haji Marsidi	Kursus Fiqh Al Munakahat	25 - 28 April 2016
43. Dayang Sabriah binti Puasa	Talent Development Programme: New Onboarding Experience	6 April 2016 13 April 2016 20 April 2016 27 April 2016

Sekitar Mini Karnival Penerangan Daerah - Daerah





Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242**